


# **SESI PERKONGSIAN ILMU**

**SIRI 3/2022**


## **ULASAN BAHAN BACAAN**

**23 JUN 2022**



- **Tajuk :**  
My Boss, Tengku Zaffryel
- **Penulis :**  
Ella Affandy
- **Penerbit :**  
Idea Kreatif Publication
- **Tahun :**  
2019
- **ISBN :**  
9789672137665
- **Format :**  
Paperback
- **Berat :**  
420 g
- **Price :**  
RM26.00
- **Mukasurat :**  
575
- **Bil. Bab :**  
62 bab

# MY BOSS, TENGKU ZAFFRYEL



Perbezaan mengharuskan cinta mereka menjadi rahsia. Seorang bos dan seorang lagi hanya pekerja biasa. Bimbang kisah cinta dia dan 'The Boss' dihidu staf lain, Safya menjadi sangat berhati-hati.

"Tak ada orang nampak ke you ke sini?" -Safya

"Kalau nampak pun, kenapa? Since I'm the boss, siapa yang berani persoalkan kehadiran I di department ni?" -Tengku Zaffryel

Bagi Tengku Zaffryel, dia tak peduli siapa pun Safya. Yang dia tahu, hatinya hanya ada cinta buat si gadis.

"Kita kahwin?" -Zaffryel

"Zaff, what if I bukan macam yang you sangkakan?" -Safya

"I pun mungkin tak seperti yang you sangkakan, tapi I cukup yakin dengan you." -Zaffryel

Keyakinan Zaffryel membuka hati Safya untuk melangkah ke alam perkahwinan. Pun begitu, segalanya tidak mudah untuk mereka gapai.

"So, betullah apa yang mummy dengar, Zaff bercinta dengan staf?" -Cik Puan Salwa

"Bukan bercinta, tapi kami dah nikah pun. She's my wife now." -Zaffryel

"Adlene is so much better than her." -Cik Puan Salwa

Sebagai manusia biasa, Safya juga punya hati. Dia cukup terasa bila dibandingkan begitu oleh mentua. Apatah lagi Adlene itu ada kaitan dengan kisah silam Zaffryel. Dan kehadiran Adlene juga telah membongkar kisah silam yang ingin Safya lupakan. Kisah mereka yang saling berkait menjadikan Safya tidak tenteram dan mula diburu emosi yang secara perlahan merapuhkan hubungannya dengan Zaffryel.

Siapa sebenarnya Adlene dan apa kaitannya dengan Safya?

Mampukah Safya sembah dari luka yang sudah lama membalut hatinya dan menggapai bahagia bersama Zaffryel?

# MY BOSS, TENGKU ZAFFRYEL

## Tengku Zaffryel Tengku Ismail

- CEO TISZA Holdings. Karismatik, cermat dalam setiap tindakan dan of course, sangat hensem! ... itu kata penulis ...
- Seorang lelaki yang sangat penyayang, cool, dan digambarkan sebagai seorang lelaki yang sangat sempurna.
- Mempunyai seorang adik lelaki, Zachary - seorang model. Hanya 2 beradik sahaja!
- Pernah bertunang dengan Adlene, tetapi ditinggalkan kerana Adlene mengejar impian menjadi model di kota Paris!
- Bercinta secara rahsia dengan staf sendiri, walaupun polisi syarikat melarang percintaan sesama staf.
- Berkahwin secara rahsia dengan Safya, tanpa pengetahuan ibunya yang terlalu menyayangi dan menyanjung Adlene.
- Berkahwin dengan Safya tanpa mengetahui niat sebenar isterinya.



# MY BOSS, TENGKU ZAFFRYEL



## Safya Aleeya Nassarudin

- Mangsa dera bapa sendiri sejak dari kecil.
- Diselamatkan oleh arwah ibunya untuk diperlihara oleh keluarga angkat.
- Dibesarkan oleh keluarga angkat sejak usia 7 tahun hingga dewasa.
- Mempunyai kakak – Adlene (bekas tunang Tengku Zaffryel).
- Terpisah dari kakak dan ibunya selama 22 tahun.
- Menyimpan perasaan dendam terhadap kakak dan ibunya kerana membiarkan dia tersiksa didera oleh bapanya.
- Mengalami tekanan jiwa kerana trauma didera dan dendam yang terlalu mendalam. Jiwanya terlalu rapuh.
- Staf di TISZA Holdings – bekerja disini kerana ingin mendekati Tengku Zaffryel + sanggup menelan fitnah rakan sepejabat.
- Berkawan baik dengan Dahlia, PA Tengku Zaffryel selepas menyedari kebaikan Dahlia yang sebelum ini dikenali bersikap dingin.
- Terlalu takut kehilangan Tengku Zaffryel walapun selepas sah bergelar isteri kerana rasa bersalah yang akhirnya menyingkap kisah sebenar kehidupan Safya & Adlene.

# MY BOSS, TENGKU ZAFFRYEL

- **Jenis penulisan yang baca :**
  - Romantik + sedih + mendebarkan
  - First time baca novel cinta yang ada diselitkan dengan jenayah pembunuhan
- **Sasaran pembaca :**
  - Remaja + penggemar novel
- **Penyampaian penulis :**
  - Mudah difahami tetapi gaya penulisan yang kurang menarik, kerap mengulangi frasa yang sama, kurang kreatif dalam mengembangkan gaya penulisan.
  - Plot cerita mudah dan tidak sarat, tetapi kurang jelas peranan setiap watak --- terlalu mendatar.
  - Penulisan mengenai *adult scene* agak bagus tetapi tidak keterlaluan!
- **Kenapa bahan berkenaan dipilih untuk diulas :**
  - Bacaan yang santai
  - Sesuai untuk menukar mode selepas waktu bekerja!
  - Mood baca novel tetiba datang!

# MY BOSS, TENGKU ZAFFRYEL

- Pengajaran / kebaikan penulisan :

- Lelaki itu sifatnya melindungi!
- Nak jumpa lelaki yang betul-betul baik dan caring macam Tengku Zaffryel --- 1 dalam 1,000!!!
- Emosi wanita mudah menguasai diri – menjurus kepada sifat dendam, trauma yang menghantui diri kesan dari sejarah hitam dalam hidup, sanggup merebut cinta.
- Cita-cita wanita itu tinggi melangit – sanggup meninggalkan kekasih demi mencapai cita-cita selagi masih muda dan peluang terbentang di depan mata.
- Wanita itu sikapnya kurang cermat dan degil!
- Budaya kerja dunia korporat – fitnah ada di mana-mana!
- Bukan semua yang kita cintai akan menjadi milik kita!
- Sejauh mana rahsia disimpan, hidup tidak akan tenteram, kebenaran juga jalan penyelesaiannya.
- Kurang meninggalkan kesan kepada pembaca untuk terus merasa impak kisah cinta Zaff & Safya!
- Kepada mangsa dera ... sifat dendam + berpura-pura perlu ditangani dengan baik.

# MY BOSS, TENGKU ZAFFRYEL

## KELEBIHAN/KEKURANGAN

- Font yang digunakan
  - Sesuai dengan pembacaan
- Gaya penulisan
  - Mudah dan santai
  - Tidak terlalu puitis
  - Pengembangan gaya bahasa kurang menarik
- Bahasa yang digunakan
  - Santai
- Fizikal bahan
  - Sederhana tebal

**RATING**  
**7 / 10**

# THANK YOU